



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 12 DISEMBER 2023



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **KPDN**

Dasar Francais Negara 2030 akan ke Kabinet Januari

Peserta industri masih diberikan peluang kemuka cadangan dalam draf sehingga akhir bulan ini

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Dasar Francais Negara (DFN) 2030 dijangka akan dibentangkan ke Kabinet pada Januari ini sebelum dilancarkan pada suku pertama tahun depan.

Sehubungan itu, peserta industri francais masih diberikan peluang untuk mengemukakan cadangan dalam draf DFN 2030 sehingga akhir bulan ini.

Pemangku Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali, berkata cadangan itu boleh disampaikan kepada Persatuan Francais Malaysia (MFA).

"Seperti saya sebut, bukan hanya sesi libat urus ini yang akan diteruskan selepas ini, namun kita juga membuka ruang sehingga 31 Disember ini melalui MFA yang mana bukan setakat (terhad) ahli jawatankuasa MFA atau ahli yang berdaftar dengan MFA.

"Namun, kita juga membuka ruang kepada semua francaisor dan francaisi di Malaysia untuk



Armizan (tengah) bersama wakil francais pada Dialog Awam DFN 2030 di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah /BH)

mengemukakan pandangan mereka terhadap draf DFN yang sudah disediakan, walaupun draf ini sebenarnya sudah melalui proses yang panjang untuk disediakan.

"Draf terakhir ini sudah dimurnikan dalam satu bengkel di Pulau Pinang pada September lalu sebelum kita bawa ke sesi libat urus terakhir pada bulan ini untuk memastikan semua pihak mempunyai ruang dan selepas ini dapat bergerak bersama-sama dengan kerajaan dan KPDN untuk melaksanakan dasar dan program dengan strategik," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri sesi Dialog Awam DFN 2030 di Putrajaya, semalam.

Sasar jualan RM100 billion

Armizan berkata, kerajaan meletakkan sasaran untuk industri francais tempatan merekodkan jualan kepada RM100 billion menjelang tahun 2030.

"Antara objektif utama DFN 2030 adalah untuk menstruktur semula ekosistem perniagaan francais melalui penambahbaikan dan pemerksaan dasar, strategi dan program pembangunan di samping usaha untuk memperluaskan pendigitalan dan teknologi dalam industri.

"Menjadikan francais sebagai sektor perniagaan bernilai tinggi melalui peluang peningkatan taraf sosio ekonomi rakyat yang akan menyumbang kepada per-

tumbuhan industri seterusnya kepada kemakmuran negara.

"Memacu pembangunan industri francais melalui hala tuju yang lebih strategik ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara peneraju industri francais pada peringkat serantau," katanya.

Untuk rekod, nilai jualan industri francais tempatan meningkat daripada RM14.6 billion pada 2020 kepada RM30 billion pada 2021.

Setakat September tahun ini, sebanyak 1,237 francais tempatan telah berdaftar.

Daripada jumlah itu, 70 jenama francais tempatan berjaya menembusi pasaran antarabangsa di 80 negara.

Guna lori syarikat kurier seludup minyak masak bersubsidi

KOTA BHARU - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berjaya mematahkan cubaan menyeludup minyak masak bersubsidi ke negara jiran menggunakan kenderaan syarikat kurier menerusi Ops Tiris di sempadan negara.

Dalam serbuan jam 3.30 petang pada Ahad lalu, sebanyak 5,100 kilogram (kg) minyak masak berjaya dirampas bersama sebuah lori dan kereta.

Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail berkata, bertindak hasil maklumat awam, pihaknya mengesan sebuah lori dipercayai membawa barang kurier di sebuah taman perumahan.

"Kami mendapati beberapa suspek dalam keadaan mencurigakan membuat

pemunggahan kotak disyaki minyak masak bersubsidi ke dalam kereta jenis Proton Wira Aeroback.

"Kita tidak menolak kemungkinan barang ini akan dibawa ke pangkalan haram untuk diseludup ke negara jiran," katanya pada Isnin.

Menurutnya, ketika serbuan dilakukan, suspek berjaya melarikan diri ke dalam semak berhampiran.

Tambah beliau, nilai rampasan minyak masak bersubsidi dianggarkan berjumlah RM12,750.

"Kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Tindakan tegas akan diambil termasuk denda dan pertuduhan di mahkamah," katanya.



Azman (kiri) menunjukkan minyak masak bersubsidi yang berjaya dirampas menerusi Ops Tiris di Kota Bharu.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 12 DISEMBER 2023

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
12-Dec	Guna kenderaan syarikat kurier seludup minyak masak subsidi	https://www.sinarharian.com.my/article/639125/berita/semasa/guna-kenderaan-syarikat-kurier-seludup-minyak-masak-subsidi	SH
12-Dec	Seludup 5,100 peket minyak masak guna lori syarikat kurier	https://www.utusan.com.my/terkini/2023/12/seludup-5100-peket-minyak-masak-guna-lori-syarikat-kurier/	UM
12-Dec	Penamatan subsidi ayam, kekurangan bekalan beras curi tumpuan pada 2023	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2252951	BERNAMA
12-Dec	Penamatan subsidi ayam, kekurangan bekalan beras curi tumpuan pada 2023	https://www.sinarharian.com.my/article/639088/berita/nasional/penamatan-subsidi-ayam-kekurangan-bekalan-beras-curi-tumpuan-pada-2023	SH
12-Dec	Deraf Dasar Francais Negara 2030 di peringkat akhir	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/deraf-dasar-francais-negara-2030-di-peringkat-akhir-449661%3famp=1	ASTROAWANI
12-Dec	Domestic Trade Ministry aims to enhance Malaysia's franchise industry to international standard	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/12/11/domestic-trade-ministry-aims-to-enhance-malaysias-franchise-industry-to-international-standard/106991	MALAYMAIL

12-Dec	Deraf Dasar Francais Negara 2030 di peringkat akhir	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2253178	BERNAMA
12-Dec	Draft National Franchise Policy 2030 in final stage	https://thesun.my/local_news/draft-national-franchise-policy-2030-in-final-stage-armizan-EN11857267	THESUN
12-Dec	DFN 2030 bakal dibentang ke Kabinet bulan depan	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/bisnes/lain-lain/2023/12/1187844/dfn-2030-bakal-dibentang-ke-kabinet-bulan-depan	BH
12-Dec	KPDN bongkar taktik seludup minyak masak subsidi guna kenderaan kurier	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/12/11/kpdn-bongkar-taktik-seludup-minyak-masak-subsidi-guna-kenderaan-kurier/	FMT